

PERKARA YANG BERFUNGSI PADA MUBTADA' DAN KHBAR

Mereka merafa'kan *mubtada'* dengan (*amil ma'nawi*) *ibtida'*, begitu juga merafa'kan *khbar* dengan faktor *mubtada'*

1. Pendapat Sibawaih dan kebanyakan ulamak Basrah menyatakan: *Mubtada'* itu *marfu'* dengan faktor *ibtida'* (berada di awal ayat) dan *khbar* itu *marfu'* dengan faktor *mubtada'*.

'amil⁽¹⁾ pada *mubtada'* adalah berbentuk '*amil maknawi* (tersembunyi) iaitu keadaan kata nama yang tidak ada sebarang '*amil lafzi* (nyata) yang bukan tambahan dan perkara seumpamanya.

Pengecualian pada takrif '*amil* bagi perkataan (غير الزائدة) , seperti: "Cukuplah bagi kamu satu dirham".

- Perkataan (بحسبك) adalah *mubtada'* yang tidak ada sebarang '*amil lafzi* namun ia masih ada *zaidah* (perkataan tambahan) di mana huruf ba yang terdapat padanya itu adalah ba *zaidah*.

Pengecualian pada takrif '*amil* bagi perkataan (شبهها) , seperti: "Ramai lelaki itu berdiri"

- Perkataan (رجل) adalah *mubtada'* dan perkataan (قائم) adalah *khbar*. Ini dapat dilihat apabila perkataan yang di'atafkan kepadanya adalah dalam keadaan *marfu'*, contoh: Ramai lelaki dan perempuan berdiri".

'Amil pada *khbar* adalah '*amil lafzi* iaitu *mubtada'*. Ini adalah pendapat Sibawaih.

2. Satu kumpulan ulamak Nahu berpendapat : '*Amil* pada *mubtada'* dan *khbar* adalah *ibtida'*. Maka '*amil* pada kesua-duanya adalah '*amil maknawi*.

3. Satu kumpulan lagi berpendapat : *Mubtada'* dirafa'kan dengan faktor *ibtida'* dan *khbar* pula dirafa'kan dengan faktor *ibtida'* dan *mubtada'*.

4. Satu kumpulan lain pula berpendapat : *Mubtada'* dan *khbar* saling merafa'kan antara satu sama lain *khbar* saling merafa'kan *Mubtada'* dan *Mubtada'* merafa'kan *khbar*.

Pendapat yang paling tepat ialah pendapat Sibawaih iaitu pendapat pertama. Perbezaan pendapat ini tidak perlu dipanjangkan.

(1) faktor yang mengubah keadaan i'rab sesuatu perkataan dalam ayat.

العامل في المبتدأ والخبر

ورفعوا مبتدأ بالابتداء... كذاك رفع خبر بالمبتدأ

مذهب سيوييه وجمهور البصريين: أن المبتدأ مرفوع بالابتداء وأن الخبر مرفوع بالمبتدأ.

فالعامل في المبتدأ معنوي وهو كون الاسم مجردا عن العوامل اللفظية غير الزائدة، وما أشبهها

واحترز بـ (غير الزائدة)، مثل: (بحسبك درهم).

- (بحسبك) مبتدأ، وهو مجرد عن العوامل اللفظية غير الزائدة ولم يتجرد عن الزائدة فإن الباء الداخلة عليه زائدة.

واحترز بـ (شبهها)، مثل: (رب رجل قائم)

- رجل: مبتدأ، قائم: خبره

ويدل على ذلك رفع المعطوف عليه نحو: (رب رجل قائم وامرأة).

والعامل في الخبر لفظي وهو المبتدأ وهذا هو مذهب سيوييه رحمه الله

وذهب قوم إلى : أن العامل في المبتدأ والخبر الابتداء فالعامل فيهما معنوي

وقيل: المبتدأ مرفوع بالابتداء والخبر مرفوع بالابتداء والمبتدأ

وقيل: ترافعا؛ ومعناه: أن الخبر رفع المبتدأ وأن المبتدأ رفع الخبر.

وأعدل هذه المذاهب مذهب سيوييه وهو الأول وهذا الخلاف مما لا طائل فيه.